

## Sistem-Sistem Yang Digunakan di Lembaga Pertubuhan Peladang

|   |
|---|
| <b>1. Nama Sistem: Sistem Pengurusan Aset</b>   |
| Digunakan di : Bahagian Kewangan  |
| Tarikh diwujudkan: 11 Januari 2010  |
| Fungsi: Untuk memastikan semua aset kerajaan dapat direkod secara sistematik dan teratur serta sentiasa dikemaskini selaras dengan pekeliling 5/2007.   |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem Pengurusan Aset   |
| <b>2. Nama Sistem: Sistem Perakaunan Saga Century (Versi 8.0 atas talian)</b>   |
| Digunakan di : Bahagian Kewangan  |
| Tarikh diwujudkan: Tahun 1995 – Model 3.2 , Back lock   |
| Fungsi: a) Merekod urusan niaga LPP, seperti akaun pemiutang, penghutang, merekod bil, merekod buku wang tunai, kawalan peruntukan, pesanan tempatan, modul pinjaman. b) Laporan akaun yang dijana ialah lembaran imbalan, Penyata pendapatan, maklumat lengkap pemiutang dan penghutang. |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: a) Manual proses project costing b) Manual proses belian c) Manual proses ledger am.   |
| <b>3. Nama Sistem: Sistem Scorpio Financial</b>   |
| Digunakan di : Bahagian Kewangan  |
| Tarikh diwujudkan: 1 Januari 2008   |
| Fungsi: Mengira semua gaji bulanan anggota Lembaga Pertubuhan Peladang.   |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Panduan Pengurusan Pembayaran Gaji   |
| <b>4. Nama Sistem: Sistem Data Bersepadu Lembaga Pertubuhan Peladang</b>  |
| Digunakan di : Bahagian Pengeluaran Ladang  |
| Tarikh diwujudkan: 1 Februari 2014  |
| Fungsi: Pemantauan Cara Kerja yang berkualiti untuk projek padi dan nangka di semua Pertubuhan Peladang   |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem Data Bersepadu Lembaga Pertubuhan Peladang  |
| <b>5. Nama Sistem: Sistem K3P</b>   |
| Digunakan di : Bahagian Perniagaantani  |
| Tarikh diwujudkan: 1 Januari 2014   |
| Fungsi: Permohonan pinjaman kumpulan wang pembiayaan untuk Pertubuhan Peladang daripada Lembaga Pertubuhan Peladang.  |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem K3P   |

|   |
|---|
| <b>6.Nama Sistem:Sistem Profil Latihan</b>  |
| Digunakan di :Bahagian Pembangunan Modal Insan  |
| Tarikh diwujudkan: 2 Febuari 2014   |
| Fungsi: Pemantauan latihan anggota Lembaga Pertubuhan Peladang untuk 7 hari setiap tahun. |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem Profil Latihan                      |

|  |
|--|
| <b>7.Nama Sistem:HRMIS</b>   |
| Digunakan di :Bahagian Khidmat Pengurusan  |
| Tarikh diwujudkan: 8 Jun 2005  |
| Fungsi: a)Pengurusan rekod peribadi anggota LPP. b)Pengistiharan Harta anggota LPP.  |
| c)Penggunaan Modul Perolehan Sumber Manusia. d)Penggunaan Modul Pengurusan Prestasi Anggota LPP. e)Penggunaan Modul Cuti anggota LPP   |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: a)Selenggara Data Sejarah Cuti b)Modul Pengistiharan Harta c)Pengesahan SKT oleh PPP d)Penyediaan SKT oleh PYD e)Pentadbir Cuti Sistem Cuti |

|  |
|--|
| <b>8.Nama Sistem: Sistem E-Vetting</b>   |
| Digunakan di :Bahagian Khidmat Pengurusan  |
| Tarikh diwujudkan: Lantikan Anggota LPP tahun 2012   |
| Fungsi: Untuk pengisian data “Tapisan Keselamatan Anggota Lantikan Baru Lembaga Pertubuhan Peladang” |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem E-Vetting (Modul Pendaftaran dan Log Masuk)    |

|   |
|---|
| <b>9.Nama Sistem: Sistem E-Undi</b>   |
| Digunakan di : Bahagian Penyeliaan dan semua Cawangan Urusan Pendaftar LPP Negeri   |
| Tarikh diwujudkan: 1 Januari 2014   |
| Fungsi: Membuat proses pengundian dan kiraan undian untuk memilih jawatan Pengerusi dan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang. |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem E-Undi  |

|  |
|--|
| <b>10.Nama Sistem: Sistem Google calendar</b>  |
| Digunakan di :Semua LPP Negeri dan LPP Ibu Pejabat   |
| Tarikh diwujudkan:1 Januari 2014   |
| Fungsi: Pemantauan kerja harian semua Bahagian LPP dan LPP Negeri yang dapat dipantau secara atas talian oleh Ketua Pengarah LPP |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem Google calendar  |

|  |
|--|
| <b>11.Nama Sistem: Sistem Peladang Agrofood Contribution Update</b>                                  |
| Digunakan di : 296 Pertubuhan Peladang, Semua LPP Negeri dan Bahagian Perancangan dan Penilaian      |
| Tarikh diwujudkan:1 Januari 2014   |
| Fungsi: Memantau kemajuan projek pengeluaran makanan yang dilaksanakan di semua Pertubuhan Peladang. |
| Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem Peladang Agrofood Contribution Update          |

|   |                                   |
|---|-----------------------------------|
| <b>12. Nama Sistem: Sistem e-Peladang</b> |                                   |
| Digunakan di : Bahagian Perniagaantani,   | Tarikh diwujudkan: 1 Januari 2010 |

**Fungsi Sistem:**

- 1) Membolehkan PP/Ahli berinteraksi dengan konsep perniagaan kepada perniagaan (B2B).
- 2) Mempelbagaikan saluran pemasaran dengan menggunakan teknik pemasaran terkini dalam mendekati bakal-bakal pembeli produk pertanian keluaran PP/Ahli.
- 3) Membolehkan pengumpulan data dan maklumat terkini bagi aktiviti pemasaran produk pertanian PP/Ahli.
- 4) Sebagai platform pepadanan perniagaan jual beli yang, mudah, ringkas dan selamat.

Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem dalam talian di E-Peladang

|   |                                   |
|---|-----------------------------------|
| <b>13. Nama Sistem: Sistem Integrated Library Management Utility (ILMU)</b> |                                   |
| Digunakan di :Bahagian Perancangan dan Penilaian,                           | Tarikh diwujudkan: 1 Januari 2007 |

**Fungsi Sistem**

1. Modul Cataloging: Dengan 'template' catalog yang mudah untuk dimanipulasi, modul ini membantu pustakawan untuk menguruskan maklumat-maklumat bibliografi untuk koleksi sesebuah perpustakaan. Modul ini menjadi modul utama untuk pengkatalogan bahan-bahan perpustakaan, oleh kerana fungsi-fungsinya yang dapat memenuhi keperluan pengkatalogan semasa seperti antaramuka dengan pangkalan data bibliografik atas talian, memenuhi keperluan dan standard pengkatalogan antarabangsa (contoh: standard MARC21), mahupun pengkatalogan tempatan (contoh: standard MALMARC). Mempunyai fungsi mengimport data ke pangkalan data ILMU. Modul ini juga memenuhi keperluan laporan dan senarai koleksi bahan perpustakaan seperti 'Shelf List' dan senarai naskhah bahan.
2. Modul Circulation: Menawarkan fungsi pengurusan transaksi perpustakaan yang utama seperti pinjaman dan pemulangan , tempahan bahan, panggilan balik bahan, pengurusan pembayaran denda, pengeluaran notis dan fungsi senarai dan laporan yang berkaitan.
3. Modul Foundation: Modul ini merupakan asas kepada pembinaan polisi perpustakaan untuk diaplikasikan ke dalam sistem ILMU. Ia dikawal dengan memanipulasikan parameter-parameter yang berkaitan dengan modul-modul dalam sistem ILMU. Parameter sistem seperti SMD, Item Category, Patron Category, Location, Patron Eligibility, Libraray Calender dan sebagainya lagi yang lebih dikenali sbagai 'ILMU Foundataion Setup Codes' yang boleh ditentukan dan ditetapkan sendiri oleh pehak Perpustakaan.
4. Modul Authority Control: Membolehkan perpustakawan merekodkan terma-terma rujukan yang akan digunakan di dalam Sistem ILMU. Digunakan bersama modul 'Cataloging'. Modul ini membolehkan sistem mencadangkan penggunaan terma berkenaan pengarang dan lain-lain untuk menyeragamkan rekod-rekod bibliografik dengan penggunaan terma yang tepat. Modul ini juga berupaya untuk membantu pihak perpustakaan membuat penukaran terma bagi rekod-rekod bibliografik yang telah dimasukkan yang telah dimasukkan yang memerlukan penyeragaman secara pukal.
5. Modul Infotrack (Incl. OPAC): Untuk mendapatkan semula maklumat yang tepat dan pantas. Modul ini ailah modul yang utama yang bertindak sebagai injin carian bagi

koleksi-koleksi bahan perputakaan yang direkod. Memaparkan maklumat-maklumat yang berkaitan pusat sumber seperti peta perpustakaan, mesej dan calendar perpustakaan. Pengguna juga dapat mencadangkan bahan untuk pembelian melalui fungsi 'Suggestion Box' yang terdapat dalam modul ini.

6. Modul parable: Digunakan untuk penjanaan label buku, label tetulang buku, kad keahlian pengguna.
7. Modul WebOPAC: Membolehkan pengguna untuk membuat carian bahan koleksi perpustakaan yang dikatalog menggunakan modul cataloging melalui web. Memberi kemudahan untuk pengguna membuat tempahan (reservation) bagi bahan yang sedang dipinjam oleh pengguna lain secara atas talian (online) tanpa perlu berada di perpustakaan secara fizikal

Manual Pengguna bagi sistem yang diguna pakai: Sistem ILMU.